KONSEP

BAHASA: Menyiram air untuk tanaman

SYARAK: Satu kontrak penyerahan tanaman kepada orang yang memelihara tanaman tersebut dengan hasil agihan (satu kontrak kerja berdasarkan hasil tanaman)

~ Ia merupakan amalan membantu orang lain dengan mewakafkan sesuatu yang berharga.

HUKUM : Harus

CIRI PEMILIK DAN PENGUSAHA

Orang Kaya (PEMILIK) : ada harta tetapi tiada kemahiran untuk membuat penanaman atau pembangunan.

Orang Miskin (PENGUSAHA) : Tiada harta tetapi mempunyai kudrat dan sempurna fizikal dan mental serta berkemahiran.

RUKUN MUSAQAH

1. **Pemilik dan pengusaha** yang berkontrak yang berakal dan baligh.

2. **Objek Musaqah** iaitu tanaman yang akan dipelihara.

3. **Pembahagian hasil** buah perlu dibahagikan atas persetujuan bersama. (contoh: 50-50 atau 70-30 atau 40-60)

4. **Kerja** Pengusaha wajib menjalankan tanggungjawab menjaga tanaman dan bebas

5. **Ijab dan Qabul** perlu dilakukan kedua-dua pihak (contoh: Aku serahkan tanggu-ngjawab mengurus tanaman ini kepada mu dengan korntrak perkongsian hasil)

TUJUAN MUSAQAH

1. Demi menjana pembangunan ekonomi umat Islam dari segi sektor pertanian mahupun pembangunan.

2. Mengurangkan jurang di antara golongan kaya dengan golongan miskin.

3. Mewujudkan peluang pekerjaan terutama kepada golongan miskin.

4. Mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat kaum Melayu Islam

BUKTI MUSAQAH DI ZAMAN RASULULLAH

Menurut riwayat daripada Abdullah Bin Umar RA berkata: "Sesungguhnya Rasulullah SAW telah memberikan khaibar kepada penduduk yahudi secara musaqah yakni dengan syarat mereka menyerahkan kepada Baginda separuh daripada hasil buah-buahan atau tanaman yang terhasil."

PERMASALAHAN YANG TIMBUL

~ Apakah jenis pembangunan yang boleh dilaksanakan?

~ Bagaimanakah cara mendapatkan dana dan pembiayaan untuk bangunkan tanah wakaf?

MODUS OPERANDI / CARA -CARA MELAKUKAN MUSAQAH

1. Kumpul modal dari saham wakaf dan sumbangan saham wakaf pokok.

2. Pihak berkuasa akan memilih golongan miskin yang sihat untuk mengusahakan tanaman.

3. Pihak berkuasa tempatan akan sediakan tanah, modal dan upah untuk proses tanaman pokok.

4. Pengusaha akan menguruskan ladang dengan bebas.

5. Pengagihan hasil jualan mengikut persetujuan pemilik dan pengusaha.

HIKMAH MUSAQAH

> Dapat memenuhi keperluan manusia disebabkan daripada hasil penanaman.

> Kedua- dua pihak iaitu pengusaha dan pemilik tanah dapat menjalankan tugas dengan amanah dan jujur.

> Pengusaha akan lebih bersungguh-s-ungguh melakukan pekerjaan untuk mencapai hasil yang banyak.

> Kepentingan bersama dapat dipenuhi tanpa memudaratkan orang lain.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pihak berkuasa perlulah melaksanakan kontrak musaqah ini untuk membangunkan tanah wakaf dan sekaligus dapat membangunkan ekonomi umat Islam. Ini kerana, dengan adanya peluang pekerjaan kepada golongan miskin, kadar kemiskinan dapat dikurangkan dan taraf kehidupan mereka dapat ditingkatkan. keadaan ini dapat memberi kelebihan kepada kedua-dua pihak dan seterusnya dapat membangunkan ummah yang lebih baik.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
https://readable.com